

# Lampiran Penerangan Produk - Insurans Perjalanan GoInsure

Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Perjalanan GoInsure. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

CHUBB®

## 1. Apakah produk ini?

Produk ini memberi gantirugi perlindungan untuk risiko yang termasuk perbelanjaan perubatan, pembatalan perjalanan, kelewatan penerbangan atau bagasi, kemalangan peribadi dan lain-lain untuk perjalanan domestik dan antarabangsa. Anda boleh mengakses perkhidmatan Bantuan Chubb kami 24/7 di seluruh dunia sekiranya berlaku kecemasan semasa perjalanan anda.

## 2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberi?

Polisi ini melindungi:

Manfaat	Jumlah Tertanggung (RM)				
	Antarabangsa		Domestik		
	Pertama	Eksekutif	Pertama	Eksekutif	
<b>Kemalangan Peribadi &amp; Perbelanjaan Perubatan</b>					
1	<b>Kematian &amp; Hilang Upaya Akibat Kemalangan</b> - Dewasa - Kanak-kanak	325,000 81,250	300,000 75,000	200,000 50,000	100,000 25,000
2	<b>Manfaat Pendidikan Anak</b>	15,000	10,000	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
3	<b>Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan</b> - Sehingga umur 70 tahun - Di atas umur 70 tahun  <b>Akibat Penyakit</b> - Sehingga umur 70 tahun - Di atas umur 70 tahun	2,000,000 500,000  1,000,000 150,000	800,000 300,000  400,000 100,000	25,000 (akibat kemalangan & sehingga umur 80 tahun sahaja)	20,000 (akibat kemalangan & sehingga umur 80 tahun sahaja)
4	<b>Perbelanjaan Perubatan Susulan Di Malaysia*</b> (sehingga 30 hari) <b>Akibat Kemalangan</b> - Sehingga umur 70 tahun - Di atas umur 70 tahun  <b>Akibat Penyakit</b> - Sehingga umur 70 tahun - Di atas umur 70 tahun	100,000 50,000  50,000 25,000	50,000 25,000  25,000 12,500	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan

GoInsure dan GoPayz ialah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd ialah ejen berdaftar Chubb.

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

Manfaat	Jumlah Tertanggung (RM)				
	Antarabangsa		Domestik		
	Pertama	Eksekutif	Pertama	Eksekutif	
<b>Kemalangan Peribadi &amp; Perbelanjaan Perubatan</b>					
5	<b>Rawatan Alternatif</b>	1,000	500	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
6	<b>Pendapatan Hospital Harian</b> - Sehingga umur 65 tahun	350 sehari (maksimum sehingga 60 hari)	250 sehari (maksimum sehingga 60 hari)	100 sehari (maksimum sehingga 30 hari)	100 sehari (maksimum sehingga 30 hari)
	- Di atas umur 65 tahun tetapi di bawah 80 tahun	100 sehari (maksimum sehingga 60 hari)	100 sehari (maksimum sehingga 60 hari)	50 sehari (maksimum sehingga 30 hari)	50 sehari (maksimum sehingga 30 hari)
7	<b>Lawatan Ihsan</b>	10,000	10,000	2,000	1,000
8	<b>Penjagaan Anak</b>	10,000	10,000	2,000	1,000
9	<b>Pemindahan Perubatan &amp; Penghantaran Pulang Kecemasan</b>	Tiada had	Tiada had	150,000	100,000
10	<b>Penghantaran Pulang Jenazah</b> (Termasuk Perbelanjaan Pengebumian & Pembakaran Mayat)	Tiada had	Tiada had	150,000	100,000
<b>Gangguan Perjalanan</b>					
11	<b>Pembatalan Perjalanan</b> - Perbelanjaan Pembatalan - Perbelanjaan Penangguhan	Kos Sebenar 1,000	50,000 500	2,000 Tidak berkenaan	1,500 Tidak berkenaan
12	<b>Pemendekan Perjalanan</b>	Kos Sebenar	50,000	2,000	1,500
13	<b>Gangguan Perjalanan</b>	2,000	1,000	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
14	<b>Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi &amp; Bagasi</b> - Had mana-mana satu barang - Komputer Mudahalih - Had Maksimum	500 1,500 7,500	500 1,000 5,000	500 Tidak berkenaan 2,000	500 Tidak berkenaan 1,000
	<b>Kehilangan atau Kerosakan Dokumen Perjalanan</b>	7,500	5,000	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
	<b>Kehilangan Wang Peribadi</b>	750	750	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
17	<b>Penggunaan Kad Kredit Hilang yang melibatkan Penipuan</b>	1,000	500	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
18	<b>Kelewatan Bagasi (setiap 6 jam berturut-turut)</b> - Had maksimum (Luar Negara) Had setiap keluarga	200 1,000 3,000	200 800 2,400	200 Tidak berkenaan Tidak berkenaan	150 Tidak berkenaan Tidak berkenaan
	- Had maksimum (Malaysia) Had setiap keluarga	400 1,200	200 600	1,000 Tidak berkenaan	600 Tidak berkenaan
	<b>Kelewatan Perjalanan (setiap 6 jam berturut-turut)</b> Had maksimum	200 4,000	200 3,600	200 1,000	150 600
20	<b>Ketinggalan Sambungan Perjalanan (setiap 6 jam berturut-turut)</b> Had maksimum	200 1,000	200 600	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan

GoInsure dan GoPayz ialah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd ialah ejen berdaftar Chubb.

©2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

Manfaat	Jumlah Tertanggung (RM)				
	Antarabangsa		Domestik		
	Pertama	Eksekutif	Pertama	Eksekutif	
<b>Gangguan Perjalanan</b>					
21	<b>Lencongan Perjalanan (setiap 6 jam berturut-turut)</b> Had maksimum	200 1,000	200 600	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
22	<b>Tempahan Perjalanan Berlebihan (setiap 6 jam berturut-turut)</b> Had maksimum	200 1,000	200 600	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
23	<b>Ketinggalan Perjalanan (setiap 6 jam berturut-turut)</b> Had maksimum	200 1,000	200 600	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
24	<b>Kesulitan Rampasan (setiap 6 jam berturut-turut)</b> Had maksimum	400 800	400 800	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
25	<b>Liabiliti Peribadi</b>	1,500,000	1,000,000	500,000	250,000
26	<b>Caj Kecemasan Telefon Mudahalih</b>	150	100	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
<b>Gaya Hidup</b>					
27	<b>Manfaat Golf</b> a) Masuk Langsung b) Kehilangan Peralatan Golf (disebabkan Kecurian) c) Bayaran Padang Golf yang tidak digunakan (disebabkan kecederaan tubuh atau penyakit)	1,000 1,000 1,000	Tidak berkenaan	250 500 250	Tidak berkenaan
28	<b>Elaun Gangguan Rumah</b> - Had mana-mana satu barang Had maksimum	5,000 500	3,000 500	500	Tidak berkenaan
29	<b>Penjagaan Haiwan Peliharaan (jumlah setiap 24 jam)</b> Had maksimum	50 100	50 50	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
<b>Lain-lain</b>					
30	<b>Lanjutan Perlindungan Keganasan</b>	Termasuk	Termasuk	Termasuk	Termasuk
31	<b>Manfaat Bantuan Chubb</b> - Akses Telefon 24-jam - Perbelanjaan Perubatan - Bantuan Perjalanan	Termasuk	Termasuk	Termasuk	Termasuk

\*lebih RM50 dikenakan untuk setiap bil/resit/invois perubatan sekiranya rawatan perubatan tidak didapatkan di Luar Negara. Anda mesti mendapatkan rawatan perubatan di Malaysia dalam jangkamasa 24 jam dari tarikh Anda pulang ke Malaysia dan Anda mempunyai 30 hari untuk meneruskan rawatan perubatan di Malaysia.

Nota: Penerangan untuk perlindungan yang didapati hanyalah huraian ringkas sahaja untuk rujukan yang cepat dan mudah. Sila rujuk kepada keterangan polisi untuk butir-butir penuh perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

GoInsure dan GoPayz ialah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd ialah ejen berdaftar Chubb.

©2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

### 3. Berapakah premium yang harus Saya bayar?

Sebutharga premium di dalam Ringgit Malaysia (RM)

#### Antarabangsa

Nota: Untuk pemium yang melebihi 38 hari, sila berunding dengan ejen kami atau hubungi Chubb secara langsung untuk sebutharga.

Individu	Pertama			Eksekutif		
	Zon 1	Zon 2	Zon 3	Zon 1	Zon 2	Zon 3
1-5 hari	67	99	118	45	66	78
6-10 hari	98	143	171	65	96	114
11-15 hari	131	193	230	87	129	153
16-20 hari	148	218	259	99	145	173
21-31 hari	178	262	312	119	175	208
32-38 hari	241	355	422	161	237	282
Pelan Tahunan	408	600	714	284	417	496

Individu & Pasangan	Pertama			Eksekutif		
	Zon 1	Zon 2	Zon 3	Zon 1	Zon 2	Zon 3
1-5 hari	128	188	224	85	125	149
6-10 hari	185	272	324	124	182	216
11-15 hari	249	366	436	166	244	291
16-20 hari	281	413	492	187	276	328
21-31 hari	339	498	593	226	332	395
32-38 hari	459	674	802	306	449	535
Pelan Tahunan	776	1140	1357	539	792	943

Keluarga	Pertama			Eksekutif		
	Zon 1	Zon 2	Zon 3	Zon 1	Zon 2	Zon 3
1-5 hari	168	247	294	112	165	196
6-10 hari	244	359	427	163	239	285
11-15 hari	328	482	574	219	321	383
16-20 hari	370	544	648	247	363	432
21-31 hari	446	655	780	297	437	520
32-38 hari	603	887	1056	402	591	704
Pelan Tahunan	1021	1500	1786	709	1042	1240

GoInsure dan GoPayz ialah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd ialah ejen berdaftar Chubb.

©2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

## Domestik

Individu	Pertama	Eksekutif
1-3 hari	28.62	20.14
4-10 hari	34.98	26.50
11-19 hari	45.58	37.10
20-30 hari	59.36	48.76

Individu & Pasangan	Pertama	Eksekutif
1-3 hari	53.00	37.10
4-10 hari	65.72	49.82
11-19 hari	86.92	71.02
20-30 hari	112.36	91.16

Keluarga	Pertama	Eksekutif
1-3 hari	69.96	48.76
4-10 hari	86.92	64.66
11-19 hari	114.48	93.28
20-30 hari	147.34	119.78

Nota: Premium termasuk Cukai Perkhidmatan (CP) 6%

## Kawasan Perlindungan

Kawasan Perlindungan	
Zon 1	Australia, Bangladesh, Brunei, Cambodia, China (excluding Tibet and Mongolia), Hong Kong SAR, India, Indonesia, Japan, Korea, Laos, Macau SAR, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Philippines, Singapore, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Vietnam.
Zon 2	Seluruh dunia termasuk Zon 1 (tidak termasuk US, Canada, Middle East, Nepal, Tibet, Mongolia & Cuba)
Zon 3	Seluruh dunia (tidak termasuk Cuba)
Domestik	Di dalam Malaysia dan perjalanan lebih daripada 50km dari tempat kediaman

## 4. Apakah fi dan caj yang perlu Saya bayar?

Jenis	Jumlah
Cukai Perkhidmatan (untuk Pelan Domestik sahaja, termasuk di dalam premium)	6% dari premium
Komisyon dibayar, jika ada, kepada pengantara insurans (termasuk di dalam premium)	Maksimum sehingga 25% dari premium.

GoInsure dan GoPayz ialah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd ialah ejen berdaftar Chubb.

©2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

## 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang harus Saya tahu?

---

### a) Permulaan Perjalanan

Semua perjalanan mesti bermula dan berakhir di Malaysia.

### b) Siapa yang layak untuk membeli

- i. Seorang warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap Malaysia or pemegang sah permit bekerja atau pemegang sah pas perkerjaan atau pemegang sah pas pekerjaan atau pemegang sah pas tanggungan atau pemegang sah lawatan sosial jangka panjang atau pemegang sah pas pelajar yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun pada Tarikh Mula.

### c) Had Umur

- i. Perjalanan Antarabangsa : Pelan Perjalanan Tunggal - Minimum 30 hari, tiada had maksimum umur.  
Pelan Tahunan - Di atas umur 18 sehingga 70 tahun, dengan pembaharuan polisi sehingga 80 tahun.
- ii. Perjalanan Domestik : Minimum 30 hari sehingga 80 tahun.

### d) Jangkamasa Perjalanan

- i. Perjalanan Antarabangsa : Pelan Perjalanan Tunggal - tempoh maksimum setiap perjalanan tidak melebihi 183 hari.  
Pelan Perjalanan Tahunan - tempoh maksimum setiap perjalanan tidak melebihi 90 hari.
- ii. Perjalanan Domestik : tempoh maksimum setiap perjalanan tidak melebihi 30 hari.

### e) Bayaran Sebelum Perlindungan

Premium penuh mesti dibayar dan diterima oleh Kami sebelum Tarikh Mula perlindungan insurans di bawah Polisi ini.

### f) Sumbangan

Sekiranya Anda berhak menerima bayaran balik atau penggantian semua atau sebahagian dari perbelanjaan tersebut dari mana-mana sumber yang lain, atau sekiranya terdapat apa-apa insurans lain terhadap kejadian yang dilindungi di bawah Polisi ini, Kami hanya akan bertanggungjawab terhadap lebihan jumlah yang boleh diperolehi daripada sumber insurans yang lain.

### g) Kepentingan Pendedahan

- i. Anda mesti mengambil perhatian yang munasabah:
  - (a) Tidak membuat kenyataan yang salah kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan yang Kami tanya di dalam borang pendaftaran;
  - (b) Apabila memperbaharui perlindungan (sekiranya ada), tidak membuat kenyataan yang salah kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan, atau apabila mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang pernah didedahkan kepada dahulu berhubung dengan perlindungan anda di bawah Polisi ini; dan
  - (c) Untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang telah Kami tanya di (a) dan (b) di atas, yang Anda tahu adalah berkaitan dengan keputusan Kami samada untuk menerima risiko ini atau tidak dan kadar dan terma-terma yang akan dikenakan.
- ii. Akibat Pelanggaran Kewajipan:  
Pelanggaran kewajipan Anda seperti yang dinyatakan di atas mungkin akan menyebabkan Kami mengelak perlindungan anda di bawah Polisi ini dan menolak semua tuntutan, atau terma-terma perlindungan anda di bawah Polisi yang berbeza-beza, dan/atau jumlah yang akan dibayar pada suatu tuntutan dikurangkan mengikut kadar, terpulang kepada jenis salahnyata atau ketidakdedahan dan kesan salahnyata atau ketidakdedahan.

Kewajipan pendedahan Anda akan berterusan sehingga masa kontrak ini dimasuki, berbeza-beza dan diperbaharui.

### h) Prosedur Tuntutan

Jika berlaku apa-apa kejadian yang berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Anda dan wakil undang-undang Anda mesti memberikan notis bertulis kepada Kami secepat yang mungkin, dan dalam apa-apa kejadian, dalam tempoh 30 hari dari tarikh kejadian. Untuk kemudahan Anda, borang tuntutan Anda boleh dicetak dari lam web Kami di: [www.chubb.com/my-goinsure](http://www.chubb.com/my-goinsure).

Nota: Perkara di atas hanyalah ringkasan terma-terma dan syarat-syarat utama Polisi ini dan tidak menyeluruh. Sila baca keterangan polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang penuh Polisi ini.

GoInsure dan GoPayz ialah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd ialah ejen berdaftar Chubb.

©2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

---

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh yang berikut:

- i. Keadaan perubatan sedia ada atau keadaan kongenital.
- ii. Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia (HIV), Sindrom Kurang Daya Tahan Tubuh (AIDS) or Komplikasi berkaitan dengan AIDS (ARC).
- iii. Kehamilan atau melahirkan anak atau keguguran (kecuali keguguran yang diakibatkan oleh kecederaan tubuh yang disebabkan kemalangan yang dilindungi) atau pengguguran.
- iv. Kecederaan diri sendiri yang sengaja dan membunuh diri.
- v. Perjalanan yang diambil bertentangan dengan nasihat doktor.
- vi. Perang atau rusuhan atau kekecohan atau pencerobohan yang diisytiharkan atau tidak.
- vii. Kehilangan, kemusnahan atau kerosakan akibat radiasi, bahan kimia atau nuclear.
- viii. Orang bertanggung terlibat dalam penerbangan, selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam penerbangan komersil.
- ix. Pelanggaran undang-undang oleh orang bertanggung atau perbuatan haram.
- x. Orang bertanggung bertindak sebagai pegawai kuatkuasa, pegawai perubatan kecemasan atau bomba, pegawai pertahanan awam, samada perkhidmatan sepenuh masa atau sukarelawan.
- xi. Terlibat di dalam aktiviti luar pesisiran, perlombongan, fotografi udara, pengendalian bahan letupan.
- xii. Orang bertanggung mengambil bahagian di dalam sukan separa professional dan professional atau Sukan Ekstrem dan Aktiviti Persukanan.
- xiii. Menyelam sedalam 30 meter.
- xiv. Mendaki gunung, memanjat batu di laur atau abseiling.
- xv. Trekking (termasuk trekking gunung) di atas tiga ribu (3,000) meter dari aras laut.
- xvi. Kehilangan atau perbelanjaan yang berkenaan dengan Cuba atau menyebabkan Kami melanggar sekatan perdagangan dan ekonomi.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada keterangan polisi untuk senarai pengecualian yang menyeluruh di bawah polisi ini.*

## 7. Bolehkah Saya membatalkan Perlindungan Saya?

---

### a) Perjalanan Tunggal

Anda boleh membatalkan perlindungan Anda dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Walaubagaimanapun, tiada bayaran balik premium akan diberi setelah sijil insurans telah dikeluarkan.

### b) Pelan Tahunan

Anda boleh membatalkan Perlindungan Anda pada bila-bila masa dengan memberi Kami notis bertulis tujuh (7) hari dengan syarat tiada tuntutan telah timbul semasa Tempoh Insurans yang terkini. Sekiranya berlaku pembatalan sedemikian, bayaran balik kadar pendek akan dikenakan (sila rujuk kepada keterangan polisi).

## 8. Apakah yang perlu Saya buat jika terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi Saya?

---

Adalah mustahak Anda menghubungi Kami jika terdapat apa-apa perubahan kepada butir-butir peribadi Anda untuk memastikan semua komunikasi dihantar kepada Anda tepat pada masanya.

Anda boleh memuat turun borang Permintaan Pembetulan Data Peribadi dari [www.chubb.com/my-goinsure](http://www.chubb.com/my-goinsure) dan melengkapkannya dan emel kepada kami di [goinsure.MY@chubb.com](mailto:goinsure.MY@chubb.com).

## 9. Di manakah boleh Saya memperolehi maklumat lanjut?

---

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perjalanan, sila rujuk kepada buku kecil “Insurans Perjalanan”, yang boleh didapati di semua cawangan Kami atau Anda boleh memperolehi salinan dari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Untuk pertanyaan, Anda boleh menghubungi Kami di :

Chubb Insurance Malaysia Berhad  
Nombor Pendaftaran : 197001000564 (9827-A)  
Wisma Chubb  
38 Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
O +6 03 2058 3198 (Perkhidmatan Pelanggan)  
E [goinsure.MY@chubb.com](mailto:goinsure.MY@chubb.com)

## 10. Jenis-jenis perlindungan Kemalangan Peribadi yang lain yang boleh didapati :

---

Sila rujuk kepada laman web kami di [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my) untuk maklumat lanjut.

### NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATI UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA SEDAR AKAN POLICY KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MEMBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT YANG LANJUT.

Lampiran Penerangan Produk ini disediakan di dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Harap diingatkan yang:

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada Kami atau pengantara Kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan Kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk Anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang Kami atau pengantara Kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, Kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan Anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima kontrak Polisi.

Dengan menerima Perlindungan di bawah kontrak Polisi Utama, Anda mengakui yang pengantara Kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada Anda dengan jelas mengenai Perlindungan di kontrak Polisi Utama dan terma-terma utama kontrak, dan kontrak Polisi Utama yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans Anda.

Maklumat yang diberi di dalam Lampiran Penerangan Produk ini sah dari 24 April 2020.

Maklumat yang diberi di dalam Lampiran Penerangan Produk ini adalah ringkasan sahaja untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang tepat dinyatakan di dalam kontrak polisi.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

GoInsure dan GoPayz ialah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd ialah ejen berdaftar Chubb.

©2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.